

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), sehingga 13 Oktober 2015, bilangan mereka yang disiasat di bawah Seksyen 124B hingga 124N Kanun Keseksaan iaitu kesalahan yang berkaitan dengan menggugat demokrasi berparlimen, sabotaj, espionaj adalah seramai 7 orang yang melibatkan 10 kes manakala 2 orang sahaja yang telah dituduh.

Dalam hal ini, saya tidak bercadang untuk mendedahkan maklumat lanjut berkenaan dengan perkara ini memandangkan ada di antara kes-kes ini masih lagi di dalam siasatan pihak polis dan ada sedang di dalam prosiding perbicaraan.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (b) pula, saya tidak bercadang untuk mendedahkan perkara ini berikutan kes ini masih dalam perbicaraan di mahkamah.